

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 21 OKTOBER 2021

KERATAN AKHBAR

Premis pertanian dikompaun

Didapati salah guna kelulusan Kebenaran Merancang hingga sebabkan pencemaran

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

HULU SELANGOR

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mengeluarkan kompaun ke atas pemilik premis yang melakukan kerja tanah bagi tujuan pertanian sehingga menyebabkan pencemaran di Sungai Remok baru-baru ini.

Exco Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian berkata, susulan laporan pencemaran di sungai berkenaan, MDHS dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor telah turun padang bagi melakukan siasatan di lokasi terlibat pada Selasa.

Menurutnya, siasatan dijalankan mendapati terdapat aktiviti kerja tanah melibatkan kawasan seluas 8.9 hektar di hulu Sungai Remok melibatkan tanah milik berstatus persendirian.

"Semakan mendapati kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada MDHS diperolehi bagi tujuan tapak penanaman sayur berserta struktur rumah hijau sementara namun tiada pelan kerja tanah.

"Maka, tindakan kompaun dikenakan di bawah Seksyen 70 A (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kepada pemilik premis terbabit kerana menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, pensampelan dilakukan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di lokasi itu turut mendapati kerja tanah yang terdedah di kawasan itu berisiko me-



Kakitangan LUAS bersama agensi terlibat melakukan pemantauan di lokasi susulan laporan pencemaran di Sungai Remok pada Ahad.

PENCEMARAN SUNGAI REMOK

nyebabkan peningkatan kekeruhan sekiranya hujan lebat dan tiada langkah kawalan sedimen yang efisien.

Menurut beliau, LUAS turut mengeluarkan Perintah Perlindungan Air berdasarkan Seksyen 122 (1) Enakmen LUAS 1999 kepada pemilik premis untuk menghentikan sebarang pe-

lepasan pencemaran ke Sungai Remok.

"Kegagalan pematuhan perintah ini boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya sekali.

"Denda selanjutnya tidak melebihi RM3,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan," katanya.

Tambah Loy Sian, tiada hen-

ti tugas operasi Loji Rawatan Air (LRA) susulan insiden itu dan kerajaan Selangor tidak akan berkompromi dengan pihak yang melakukan jenayah alam sekitar.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan gesaan Pertubuhan Kebajikan Warga Desa Hulu Selangor meminta kerajaan negeri menyiasat punca sebenar pencemaran yang berlaku di sungai berkenaan.